

## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan untuk membeli aset terpakai sebagaimana berikut :-

1. Aset alih tersebut adalah disimpan sebagaimana dinyatakan dalam iklan kenyataan tawaran sebut harga di "**Lampiran A**" dan boleh dilihat bila-bila masa pada waktu pejabat mulai **(Rabu) 5 Julai 2023** dengan menghubungi Pegawai Kenderaan/pegawai sebagaimana yang tercatat dalam borang "**Lampiran A**".
2. Semua tawaran mestilah disertakan dengan Wang Amanah (Bank Guarantee / Bank Draf / Wang Kiriman Pos) sebanyak **5%** daripada harga tawaran tertakluk kepada Maksima RM5,000.00 bagi sebuah kenderaan atas nama **DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU beserta SALINAN PENYATA BANK (Statement Bank) yang disahkan oleh Pegawai Bank dan SALINAN KAD PENGENALAN atau Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**. Mana-mana tawaran yang tidak disertakan dengan Wang Amanah atau kurang daripada jumlah deposit tersebut adalah dianggap terbatal dengan sendirinya dan tidak akan dipertimbangkan.
3. **Pegawai awam tidak dibenarkan menyertai sebut harga ini kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak.**
4. Semua aset yang dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as is where is basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Segala perbelanjaan berkaitan pembelian aset tersebut seperti memindah dan mengalih aset dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset alih tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
8. Wang amanah yang dinyatakan dalam perenggan (2) di atas akan dikembalikan kepada Penyebut Harga-Penyebut Harga yang tidak berjaya dalam tempoh 14 hari selepas keputusan dikeluarkan dan bagi Penyebut Harga yang berjaya pula Wang Amanah itu akan dikembalikan sebaik sahaja syarat-syarat di perenggan (5) itu telah selesai disempurnakan atau hanya menjelaskan wang beza sahaja. Wang Amanah tersebut tidak akan dikembalikan sekiranya Penyebut Harga yang telah diberitahu **BERJAYA** ingkar menerima dalam tempoh yang ditetapkan.

9. Tawaran Sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di Bahagian Pengurusan Aset (STOR) Tingkat 15, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada **(Rabu) 5 Julai 2023** hingga **(Isnin) 17 Julai 2023 secara percuma.**
10. Tarikh tutup tawaran ini pada **(Selasa) 18 Julai 2023** dan borang tawaran mestilah dihantar **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.**
11. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan no. **Sebut harga MBKT SH93/2023 “TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KENDERAAN KERAJAAN”** dan dimasukkan dalam PETI SEBUTHARGA sebagaimana alamat berikut pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut :

**DATUK BANDAR,  
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU,  
BAHAGIAN KONTRAK & UKUR BAHAN,  
TINGKAT 18 MENARA MBKT,  
NO 1, JALAN WARISAN TANJUNG 1,  
20000, KUALA TERENGGANU,  
TERENGGANU DARUL IMAN.**

12. Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran bagi membeli aset tersebut.

Sekian.

**“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”  
“ MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

***t.t***

.....  
Nama Penuh : **ROSLI BIN LATIF**

Nama Jawatan : **DATUK BANDAR,  
MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**